



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
16 OKTOBER 2024



Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	16 Oktober 2024
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	5

Gaji Progresif: 1,892 majikan buka akaun projek rintis

PETALING JAYA: Seramai 1,892 majikan telah membuka akaun dan 776 majikan telah memohon untuk menyertai projek rintis Dasar Gaji Progresif (DGP) melalui kriteria yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Kesuma), Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, bagi memastikan kemampuhan DGP, penilaian projek rintis dibuat dengan mengambil kira perkara berkaitan dasar, ketersediaan sistem, buku panduan gaji dan panduan latihan.

“Penilaian ini akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif DGP dan akan dibawa kepada pertimbangan Jemaah Menteri pada November 2024 bagi mendapatkan hala tuju pelaksanaan menyeluruh dasar ini,” katanya pada sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, antara isu dan cabaran pelaksanaan DGP adalah ketidakpastian pasca projek rintis dan kurangnya kefahaman majikan dan pekerja berhubung klasifikasi Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO).

“Selain itu, ketersediaan sistem portal pendaftaran DGP juga perlu ditambah baik bagi memudahkan navigasi pengguna selain didapati gaji peringkat permulaan dalam DGP tidak membezakan antara siswazah baharu dan pekerja yang bertukar syarikat.

“Seterusnya, pihak majikan berdepan dengan kekangan untuk menyediakan dana bagi menghantar pekerja menghadiri kursus bagi memenuhi keperluan kemahiran dan latihan dalam tempoh 21 jam mengikut rangka kerja DGP yang telah ditetapkan,” katanya.

Kita perlu lebih waktu rehat daripada cuti



ANALISIS
MUKA 16

SAIFULLAH AHMAD

Setiap golongan pekerja di negara ini wajib diberikan cuti sekurang-kurangnya sehari dalam seminggu kerana ia termaktub dalam Akta Kerja 1955.

Malah jika pekerja diarah oleh majikan untuk bekerja pada hari cuti, maka bayaran tambahan perlu dibuat kepada pekerja tersebut atau tindakan undang-undang boleh dikenakan andai ia gagal dipatuhi.

Tidak dinyatakan pula cuti yang diwajibkan itu hari apa kerana setiap sektor pekerjaan mempunyai masa bekerja berbeza malahan ada dalam kalangan mereka bekerja pada hari minggu.

Apabila Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail menitahkan pertukaran cuti hujung minggu dari Jumaat dan Sabtu kepada Sabtu dan Ahad, ia tidak seharusnya menjadi polemik mahu pun isu politik kerana bukan semua orang dapat bercuti pada hujung minggu.

Orang yang terlibat dalam perniagaan sudah pastinya tidak mengambil kira cuti hujung minggu kerana ketika itulah kedai atau restoran mereka jadi tumpuan orang ramai malah cuti mingguan mereka mungkin hanya sehari.

Bagi anggota keselamatan pula, mereka juga tiada istilah cuti hujung minggu kerana perlu sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kejadian kecemasan atau tragedi yang berlaku pada bila-bila masa.

Lihat sahaja bencana banjir yang

berlaku ketika ini memaksa anggota yang bercuti juga dipanggil bertugas kerana kekurangan anggota malahan setiap kali persiapan menghadapi bencana, cuti mereka pun terpaksa dibekukan.

Begitu juga pendakwah atau guru takmir, jadual kuliah mereka di masjid dan surau hampir setiap hari sama ada selepas waktu maghrib atau selepas subuh ditambah pula kuliah duha pada cuti hujung minggu.

Golongan yang paling tidak dapat cuti ialah suri rumah kerana kerja mereka tidak pernah habis daripada mengemas rumah, memasak, menguruskan keluarga sehingga adakala terpaksa menjadi guru bagi semua subjek anak-anaknya.

Eloklah kiranya dalam Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan pada Jumaat ini, golongan suri rumah tidak dipinggirkan bagi menghargai pengorbanan mereka untuk keluarga masing-masing.

Sebenarnya kita lebih memerlukan waktu rehat berbanding cuti hujung minggu kerana ada orang yang tetap mencari rezeki tambahan ketika cuti sama ada menjadi penghantar makanan atau bekerja sambil dalam sektor perkhidmatan.

Rehat yang cukup amat penting bagi meningkatkan produktiviti kerja selain memastikan fizikal dan mental seorang individu kekal cergas untuk bekerja tanpa sebarang tekanan.

Tidak kira sektor pekerjaan mana sekalipun, tekanan disebabkan kerja boleh menyebabkan seseorang itu *burnout* yang seterusnya boleh memberi kesan terhadap kesihatan mental lain jika tidak ditangani sebaiknya.

Jadi tidak hairanlah tema Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini memilih tema 'Masanya untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja'.

Masalah psikososial antara isu

“Tidak kira sektor pekerjaan mana sekalipun, tekanan disebabkan kerja boleh menyebabkan seseorang itu *burnout* yang seterusnya boleh memberi kesan terhadap kesihatan mental lain jika tidak ditangani sebaiknya.”

kesihatan mental di tempat kerja yang merujuk kepada gangguan kepada kesihatan fizikal dan mental pekerja yang disebabkan oleh gangguan sosial di tempat kerja.

Masalah psikososial ini antaranya disebabkan beban kerja yang terlampau sehingga menyebabkan pekerja tidak cukup rehat, tidak ada masa untuk diri sendiri dan keluarga serta tidak ada keseimbangan antara kerja dan kehidupan seharian.

Menurut Naib Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Manivanan Gowin, isu psikososial penting kerana masalah kesihatan mental yang membebani sebahagian masyarakat dipercayai antara penyumbang kedudukan Malaysia dalam senarai Laporan Kegembiraan Dunia 2024.

Apa yang pasti, Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat pada Jumaat ini akan menjadi tumpuan rakyat untuk mengetahui apa mereka dapat.

Berilah khabar gembira kepada golongan yang bertungkus-lumus membanting tulang untuk keluarga dan negara tanpa mengira hari cuti mahupun waktu bekerja agar waktu rehat mereka dapat diganti dengan sesuatu yang lebih bernilai.

* Saifullah Ahmad ialah
Ketua Biro Sinar Harian Perak

Kesihatan mental di tempat kerja



PERSPEKTIF

LEE LAM THYE

Sejak 1992, tanggal 10 Oktober telah ditetapkan sebagai Hari Kesihatan Mental Sedunia. Tema pada tahun ini ialah 'Sudah Tiba Masanya Untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja'.

Ini amat relevan memandangkan bilangan tenaga buruh di Malaysia bagi suku pertama 2024 ialah seramai 16.96 juta orang seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), manakala data daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan isu kesihatan mental telah mengakibatkan kerugian tahunan berjumlah kira-kira sebanyak 12 bilion hari untuk bekerja dan dianggarkan bernilai AS\$1 trilion.

Menurut kajian pada Mac 2023 yang dijalankan Remote, sebuah syarikat perkhidmatan sumber manusia global, Malaysia menduduki tempat kedua terburuk dari segi keseimbangan kerja dan kehidupan dalam kalangan 60 negara di dunia.

Semasa kita menghabiskan banyak

masa di tempat kerja, kesihatan mental di tempat kerja memainkan peranan penting dalam kesejahteraan umum. Jika kita mengalami masalah kesihatan mental di tempat kerja, ia akan memberi impak besar kepada kehidupan seharian. Oleh itu, adalah penting untuk memberi perhatian kepada kesihatan mental kita di tempat kerja.

Kesihatan mental berkait rapat dengan produktiviti. Beberapa faedah mengekalkan kesihatan mental yang baik di tempat kerja ialah:

- Fokus yang lebih baik akan menghasilkan kerja lebih berkualiti.
- Kurang ketidakhadiran di mana akan ada lebih banyak motivasi dan semakin tinggi komitmen yang diberikan.
- Kerja berpasukan yang lebih baik, dinamik pasukan dan komunikasi dalam kalangan pekerja, yang semuanya menyumbang kepada suasana kerja harmoni. Selain itu, ia mewujudkan rasa kesatuan.
- Kadar pengekal lebih tinggi yang mengurangkan kos pengambilan semula dan latihan semula untuk pekerja.
- Kos penjagaan kesihatan lebih rendah kerana kesihatan mental yang lemah boleh menjejaskan keadaan fizikal pekerja.

Berikut ialah beberapa strategi yang

boleh meningkatkan kesihatan mental baik di tempat kerja:

1. Celik kesedaran mental: Anjurkan program kesedaran kesihatan mental untuk mengurangkan stigma dan menggalakkan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja. Contohnya, mengadakan bengkel pengurusan tekanan. Pengurus boleh menjalani bengkel pengukuhan kemahiran untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dalam mengenali gejala dan menawarkan sokongan emosi melalui pendengaran yang aktif.

2. Ruang selamat dan akses mudah kepada sumber: Majikan perlu menggalakkan perbincangan terbuka tentang kesihatan mental. Memberi galakan kepada pekerja untuk menghubungi dan bercakap tentang perjuangan kesihatan mental mereka dengan menjangkan kerahsiaan. Melatih pengurus dengan kemahiran asas kaunseling dan mendaftar dalam Program Bantuan Pekerja (EAP).

3. Bajet untuk jalankan inisiatif kesihatan mental: Wujudkan dasar yang menggabungkan dan mengutamakan kesihatan mental mengenai isu seperti waktu bekerja, beban kerja, persekitaran selamat dan sihat serta dasar tanpa diskriminasi. Pastikan bahawa terdapat pelaksanaan dan pe-

nguatkuasaan dasar. Setiap pekerja perlu diberi peluang sama dan proses untuk kenaikan pangkat, peningkatkan kemahiran dan latihan perlu telus.

4. Benarkan pengaturan kerja yang fleksibel, mengikut kesesuaian: Ini akan membolehkan pekerja mengekalkan keseimbangan kerja-kehidupan yang lebih baik.

Setiap pekerja mempunyai hak asasi mendapatkan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan sihat. Mengutamakan kesihatan mental di tempat kerja mewujudkan persekitaran sedemikian yang bermanfaat kepada kedua-dua pekerja dan organisasi.

Pekerja berasa dihargai dan dipedulikan dan organisasi menjadi makmur dengan peningkatan produktiviti. Mengekalkan keseimbangan kehidupan kerja adalah penting untuk kesejahteraan mental dan ia membantu mengelakkan tekanan dan keletihan.

Untuk sokongan emosi percuma dan sulit, hubungi Befrienders KL di talian 03-76272929 (24 jam) atau sam@befrienders.org.my untuk bercakap di ruang yang selamat. Terdapat juga Talian HEAL oleh Kementerian Kesihatan pada 15555 (8 pagi - 12 tengah malam).

* Tin Sri Lee Lam Thye ialah Penang Befrienders KL TV



Akhbar	The Star
Tarikh	16 Oktober 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	5



Almost 500,000 housewives now protected under Socso

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Almost half a million housewives have registered for the Housewives Social Security Scheme (SKSSR) under the Social Security Organisation (Socso), says Human Resources Minister Steven Sim.

He said 474,982 women are making contributions through SKSSR as of Sept 30 this year, adding that this means the ministry has achieved 95% of its initial target of 500,000 registrations for 2024.

"The flexibility in the contribution payment methods – which can be made by the husband, the housewife herself, family mem-

bers or a third party – has been identified as one of the contributing factors to the success of this scheme.

"As of Aug 31, SKSSR has approved 1,480 claims involving the disbursement of benefits, amounting to more than RM2.7mil," he said when met at a Deepavali celebration organised by the ministry and Socso at Sentul Perdana Community Centre here yesterday.

Also present were ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, Socso board chairman Datuk Seri Subahan Kamal and Socso group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Sim said that the achievement

of the programme reflected the government's determination to expand social security coverage to include sectors focused on helping people and communities.

The SKSSR was previously implemented on Dec 1, 2022, under the Housewives' Social Security Act 2022, to provide social security protection to women, married or otherwise, against domestic injury, illnesses and invalidity while managing their households.

The scheme requires a contribution of only RM120 a year, which can be made either by the woman or her husband, family members or any other third party.

In a related development, Sim said Socso received an additional

RM86.2mil to provide matching grants for the Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS) through the SPS Madani and SPS Matching Contribution initiatives.

He added that applications for SPS Madani and SPS Matching Contribution remain open until Dec 31 for individuals from 20 self-employment sectors, such as farming, fishing and food delivery outlets.

"As of Oct 4, a total of 697,787 individuals have contributed to the SKSPS, with 4,052 claims processed and total benefits exceeding RM19.2mil paid.

"This strong response reflects the effectiveness of protection benefits in ensuring income continuity in the event of a mishap,

even for workers in the informal sector," he said.

The SKSPS was created to provide protection to individuals who are self-employed under the provisions of the Self-Employment Social Security Act 2017.

This scheme is mandatory for the passenger transport sector – namely taxi drivers, hailing and bus drivers – and came into effect on June 1, 2017.

On Jan 1, 2020, SKSPS coverage was extended to 19 other self-employment sectors, making it a total of 20 sectors covered by the scheme.

Beginning Jan 1 next year, it will be mandatory for licensed hawkers and traders to be covered under the scheme too.



Akhbar	The Star
Tarikh	16 Oktober 2024
Ruang	Views
Muka Surat	16



Mental health crisis at work

OF late, the workplace has become a key battleground for mental health. A study by Relate Malaysia found that in 2018, 4.57 million working adults reported mental health issues with 29% of employees indicating that they have poor mental health, “Mental health protection for the workforce” (*The Star*, Aug 16, 2022).

The mental health crisis is not only a personal tragedy for employees but also an economic disaster for employers. Studies in Australia have shown that poor mental health is seven times more likely to make an employee unproductive and psychological distress reduces productivity by as much as 40% in some cases.

The World Health Organisation (WHO) estimates that poor mental health in the workplace costs the global economy US\$1 trillion annually. In Malaysia, the economic cost of workplace-related mental health issues in 2018 alone was RM14.46bil or 1% of the country's GDP. “Workplace mental health issues cost M'sia RM14.46bil in 2018 alone, says psychiatrist” (*The Star*, Oct 12).

Given these significant financial losses, it is perplexing that

mental health remains a neglected issue in many organisational policies.

The inadequate mental health infrastructure in Malaysia also poses a considerable challenge. Currently, there are only 500 psychiatrists for a population of over 30 million, as highlighted by some mental health professionals. They believe this is far below the WHO's recommendation of one psychiatrist per 10,000 people.

Even more concerning is the lack of integration of mental health services within human resource policies. While large multinational corporations and some local conglomerates in Malaysia have robust HR policies that address mental well-being, the same cannot be said for most SMEs and MSMEs.

This is a significant oversight as SMEs and MSMEs form the backbone of Malaysia's economy.

One of the most overlooked aspects of mental health management in the workplace is the need for a holistic approach that includes both prevention and treatment.

Simple yet impactful measures,

such as offering flexible working hours and respecting non-office time, can go a long way in alleviating stress.

These measures must be complemented by more formal mental health support systems, including access to therapy. Currently, Malaysia's Mental Health Act (2001) and Mental Health Regulation (2010) make no specific provisions for mental health in the workplace, according to the 2021 *International Journal of Law, Government and Communication*.

This leaves employees with no legal recourse for addressing mental health challenges that arise due to work-related stress.

The solution requires a multi-pronged approach. First, there needs to be a legislative overhaul to incorporate mental health into workplace safety laws.

The amended Occupational Safety and Health Act 1994, for example, focuses primarily on physical health and safety, so it is high time that mental health is given equal importance.

Employers must be held accountable not only for the physical well-being of their

employees but also for their mental health.

Second, there must be a concerted effort to embed mental health professionals within HR departments. The person must not be just a token presence but an integral member of the team who can provide real-time support and guidance.

Moreover, mental health coverage in insurance schemes should go beyond just psychiatry and medication. Psychotherapy and counselling should be included as part of employee benefits to ensure that individuals can access early-stage interventions before their conditions worsen. This kind of proactive care not only improves employee well-being but also enhances creativity, problem-solving abilities, and overall job performance.

By implementing comprehensive mental health policies in the workplace, we can create environments that allow employees to thrive and contribute fully to the success of the organisation.

DR THANASEELEN
Faculty of Creative Industries
UTAR, Sg Long Campus



இல்லத்தரசிகளுக்கான சமூகப் பாதுகாப்புத் திட்டத்தில்

474,982 பேர் சேர்ந்துள்ளனர்

மனிதவள அமைச்சர் தகவல்



● ராமேஸ்வாரி ராணா - தி.மோகன்

கோலாலம்பூர், அக். 16- இல்லத்தரசிகளுக்கான சமூகப் பாதுகாப்புத் திட்டத்தில் 5 லட்சம் பேரை சந்தாதாரர்களாகக் கொண்டு வர வேண்டும் என்ற தமது அமைச்சின் இலக்கு 95 விழுக்காட்டை எட்டிவிட்டதாக மனிதவள அமைச்சர் ஸ்மவன் சீம் கூறினார்.

கடந்த செப்டம்பர் 30ஆம் தேதி வரை இத்திட்டத்தின் வழி 4 லட்சத்து 74,982 பேர் இதற்கான சந்தாவைச் செலுத்தியுள்ளதாக அவர் தெரிவித்தார். இவ்வாண்டு இறுதிக்குள் இத்திட்டத்தின் வழி போதிய அளவிலான சந்தாதாரர்களைச் சேர்க்கும் அதேவேளையில் இல்லத்தரசிகளுக்கான பாதுகாப்புத் திட்டத்தை மேலும் விரிவுபடுத்துவதற்கு தமது அமைச்சு திட்டம் கொண்டுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

இத்திட்டத்தில் கணவர் மூலமாகவோ இல்லத்தரசிகள் சுயமாகவோ குடும்ப உறுப்பினர்கள் மூலமாகவோ அல்லது

மூன்றாம் தரப்பினர் மூலமாகவோ இதற்கான சந்தா செலுத்த முடியும் என அவர் கூறினார்.

கடந்த ஆகஸ்டு 31ஆம் தேதி வரை இத்திட்டத்தின் வழி 1,480 இழப்பீடுகளுக்கு 27 லட்சம் ரிங்கிட் இழப்பீட்டுத் தொகையாக வழங்கப்பட்டுள்ளதாக நேற்று செய்தில் பெட்டனா சமூக அமைச்சின் மனிதவள அமைச்சு - பெர்கேசோவின் தீபாவளி அன்பளிப்பு வழங்கும் திகழ்ச்சியில் கலந்துகொண்டு உரையாற்றியபோது அவர் தெரிவித்தார்.

இந்நிகழ்ச்சியில் மனிதவள அமைச்சின் தலைமைச் செயலாளர் டத்தோ அல்மான் முகமட் யூசோப், பெர்கேசோ வாரியத் தலைவர் டத்தேயூப் சபாநாயகர் கமால், அதன் தலைமைச் செயல் அதிகாரி டத்தேயூ டாட்டா முகமட் அல்மான் அஸில் முகமட் ஆகியோரும் கலந்து கொண்டிருந்தனர்.

இல்லத்தரசிகளுக்காக கடந்த 2022ஆம் ஆண்டு டிசம்பர் மாதம் தொடங்கப்பட்ட இத்திட்டத்தின் வழி மாதம் ஒன்றுக்கு 10 ரிங்கிட் சந்தா செலுத்தி பெர்கேசோ திறுவனத்தின் பல்வேறு பாதுகாப்பைப் பெற்றுக்கொள்ள முடியும்.

இதனிடையே சொந்த வேலை செய்யும் தனிநபர்களுக்கு செக்கோ பாதுகாப்புத் திட்டத்தை



வழங்குவதற்கு அரசாங்கம் எஸ்பிஎல் மடானி, எஸ்பிஎல் படானான் சாகுமான் திட்டத்தின் கீழ் 86.2 மில்லியன் ரிங்கிட்டை மானியமாக ஒதுக்கியுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார். இவ்விரண்டு திட்டங்களும் இவ்வாண்டு டிசம்பர் 31ஆம் தேதி வரை திறந்திருக்கும் என்ற அவர், சொந்தமாகத் தொழில்புரியும் 20 துறைகளுக்கு இத்திட்டம் திறந்து விடப்படும் எனவும் தெரிவித்தார். இம்மாதம் 4ஆம் தேதி வரை சொந்தத்

தொழில் புரியும் 697,787 தனிநபர்கள் இத்திட்டத்தில் சேர்ந்துள்ளதாகக் கூறிய அவர், இத்திட்டத்தின் கீழ் 4,052 பேர் இழப்பீடுகளைக் கோரியுள்ளனர் என்றார். அவர்களுக்கு 19.2 மில்லியன் ரிங்கிட் இழப்பீட்டாக வழங்குவதற்கு பெர்கேசோ பரிசீலித்து வருவதாகவும் கூறினார்.

இந்நிகழ்ச்சியில் பெர்கேசோ திறுவனத்தின் மூலம் மனிதவள அமைச்சு ஆதரவற்ற குழந்தைகள், தனித்து வாழும் தாய்மார்கள் என 140 பேருக்கு தீபாவளி அன்பளிப்புகளை வழங்கியதோடு 14 பேருக்கு பெர்கேசோ இழப்பீட்டாக 113,000 ரிங்கிட்டை வழங்கியது.

இதனிடையே நாட்டிலுள்ள 7 அரசாங்க சார்பற்ற நிறுவனங்களுக்கு 70 ஆயிரம் ரிங்கிட் சமூகநல நிதியாக வழங்கப்பட்டது.



பெர்கெசோவின் தீபாவளி கொண்டாட்டம் பயன்கள் பரவலாக வழங்கப்பட்டது



(பெருநி பெருமாள், ஆர்.குணா)

கோலாலம்பூர், அக். 16-2024 ஆம் ஆண்டு பெர்கெசோ தீபாவளி திருநாள் கொண்டாட்ட நிகழ்ச்சி பெர்கெசோ கோலாலம்பூர் புசாட் கம்யூனிட்டி செந்துல் பெர்டானா மண்டபத்தில் நேற்று விமரிசையாகப் கொண்டாடப்பட்டது.

மனிதவள அமைச்சர் ஸ்டீவன் சிம் சீ கியோங் தீபாவளி கொண்டாட்டத்தை அதிகாரப்பூர்வமாக தொடக்கி வைத்து உரையாற்றினார்.

மேளதான இசையுடன் அமைச்சர் மண்டபத்திற்குள் அழைத்து வரப்பட்டார். சிறுவர் சிறுமியின் ஆடலும் பாடலும் மேடையில் இசை முழக்கம் செய்தது.

சிரமப்படும் மக்களை தேடிச் சென்று உதவிக்கரம் நீட்டுவது



பெர்கெசோ என்று அமைச்சர் தனது உரையில் விவரித்தார்.

ரவிந்தர்நாத் கோட்பாடுகளை மேற்கோள்காட்டி அமைச்சர் சில அம்சங்களை தெரிவித்தார்.

ஆயிரத்திற்கும் மேற்பட்டோர் பங்கேற்ற இவ்விழா பாங்கான விழாவாக அமைந்து பலரின் கவனத்தை கவர்ந்த ஒன்று. பெர்கெசோவின் பயன்கள்

விநியோகிக்கப்பட்டது. அனைவருக்கும் தீபாவளி நல்வாழ்த்துகள் என்று அமைச்சர் தமிழ் மொழியிலேயே குறிப்பிட்டார்.

பெர்கெசோ மூலமாக இதுவரையில் நான்கு லட்சத்து 74 ஆயிரத்து 982 இல்லத்தரசிகள் சமூக பாதுகாப்பு திட்டத்தில் தங்களை பதிந்து கொண்டுள்ளனர். எஸ்.கே எஸ்.எஸ்.ஆர். (SKSSR) திட்டமானது இவ்வாண்டு இறுதிக்குள் தனது இலக்கினை எட்டும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது.

சுய தொழில் செய்பவர்களுக்கான திட்டத்தின் தொடர்பில் மானியம் வழங்கும் வண்ணம் பெர்கெசோ கூடுதலாக 86.2 மில்லியன் வெள்ளி நிதியுதவி பெற்றுள்ளது.

ஆக மொத்தம் 1,480 இழப்பீடு கோரிக்கைகளுக்கு எஸ்.கே. எஸ். எஸ்.ஆர். என்ற இல்லத்தரசி சமூக பாதுகாப்பு திட்டம் அங்கீகாரம் வழங்கியுள்ளது.

மனிதவள அமைச்சின் பெர்கெசோ தலைமை செயல்முறை அதிகாரி டத்தோ அஷ்மான், லெம்பா ஜெயா சட்டமன்ற உறுப்பினர் ஆல்டிமட் ஆகியோர் கலந்து கொண்டனர்.

டத்தோஸ்ரீ சுபாஹான் கமால் வரவேற்புரையாற்றினார்.

தனித்து வாழும் தாய்மார்களுக்கும் ஆதரவற்ற பிள்ளைகளுக்கும் பரிசுக் கூடைகளும் பெருநாள் ரொக்க பணமும் வழங்கப்பட்டது.